

Lawatan Sambil Belajar Pegawai-pegawai Kanan Dari *The Account Chamber Of The Kyrgyz Republic*

Jabatan Audit Negara telah menerima lawatan sambil belajar delegasi dari *The Account Chamber Of The Kyrgyz Republic* 4 April 2011 hingga 8 April 2011. Delegasi ini diketuai oleh Mr.Sabyrbek Moldokulov, Pengerusi *The Account Chamber of Kyrgyz Republic*.

Lawatan ini bertujuan mempelajari kaedah dan teknik jenis-jenis pengauditan serta jaminan kualiti pengauditan di samping bertukar maklumat dan pandangan tentang pelaksanaan aktiviti pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) dan *The Account Chamber of The Kyrgyz Republic*. Selain itu, lawatan ini juga akan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara JAN dan Institusi Audit *Kyrgyz Republic*.

Pada 4 April 2011, delegasi telah diraikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara dan pegawai-pegawai kanan JAN di satu jamuan tengah hari di Hotel Marriot, Putrajaya.

Beberapa program lawatan telah diatur sempena lawatan delegasi ini. Antaranya ialah taklimat mengenai JAN yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Hj. Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan), Pelan Strategik JAN oleh Encik Zulkipli Bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan, Pengurusan Sumber Manusia oleh Tn. Hj. Aziz Bin Mohd. Akil, Metodologi & Analisis Pengauditan Kewangan oleh Pengarah Sektor Audit Kewangan Persekutuan, Puan Lau Tze Ngik, Format serta Isu-isu Laporan KAN oleh Dr Masiah Binti Ahmad, Penggunaan CAATs dalam Pengauditan IT oleh Encik Y. Hamdan Bin Mohd. Dom, dan Jaminan Kualiti Dalam Pengauditan Prestasi oleh Puan Yusnani Zakaria.

Delegasi juga telah dibawa melawat ke Akademi Audit Negara (AAN), Pejabat Audit Cawangan Negeri Selangor, Menara Berkembar Petronas, Karyaneka serta lawatan sekitar Putrajaya.

Gambar Di Sekitar Lawatan Delegasi Dari *The Account Chamber Of The Kyrgyz Republic*



Sesi bergambar delegasi dari *The Account Chamber of Kyrgyz Republic* yang diketuai oleh Mr. Sabyrbek Moldokulov bersama YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara, YBhg. Dato' Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan Encik Zulkipli Bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan.



Delegasi bersama Ketua Audit Negara semasa jamuan tengah hari di Hotel Marriot, Putrajaya.



Sesi bertukar-tukar cenderahati antara Ketua Audit Negara Malaysia dan Pengerusi *The Account Chamber of Kyrgyz Republic* sebagai tanda penghargaan dan ingatan.

Lawatan ke Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya

